SOROTAN DARAT

33



JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA

KANDUNGAN
CONTENTS

21

46

89

PENUGASAN ELEMEN SEMBOYAN MALCON IV DI BOSNIA HERZEGOVINA

Mej Abdul Aziz bin Mahmud

"I know of no military operations which were not dependent to one degree or another on communications; the more difficult the operations the more crucial the dependence...."

General Sir Anthony Farrar Hockley

PENDAHULUAN

Menyelia dan mengkordinasi komunikasi dalam penugasan misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB) adalah merupakan tugas yang mencabar dan memerlukan taraf profesionalisme ketenteraan yang tinggi. Keperluan ini lebih ketara dalam penglibatan kita dengan tentera Negara-Negara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), yang keahliannya terdiri daripada negara maju dan mempunyai peralatan, doktrin, prosedur dan taktik yang lengkap lagi moden. Setiap negara yang diterima untuk melaksanakan operasi tentera NATO terlebih dahulu disahkan akan kemampuan dan taraf profesionalisme agar seimbang, dan berkemampuan melaksanakan operasi bersama mereka.

PERINTAH DAN KAWALAN

Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Bosnia Herzegovina (BiH) bermula dengan penghantaran kontinjen ATM atau MALBAT ke sana pada 29 Okt 93 dalam misi Pasukan Pelindung PBB (UNPROFOR) di bawah kawalan operasi (OPCON) PBB. Pada 20 Dis 95, Perjanjian Damai Dayton telah ditandatangani di Paris antara PBB dengan ketiga-tiga pihak yang bertelagah di BiH. Serentak dengan perkembangan ini, kuasa OPCON PBB telah diserahkan kepada NATO. Designasi MALBAT ditukar kepada MALCON di bawah Pasukan Implementasi (IFOR) yang kemudiannya menjadi Pasukan Penstabil (SFOR), mengambil alih tugas dari UNPROFOR untuk meneruskan mandat keamanan di BiH. Operasi SFOR di BiH dibahagikan kepada tiga sektor pemerintahan iaitu *Multi National Division South West (MND SW), Multi National Division North (MND N) dan Multi National Division South East (MND SE),* manakala Markas SFOR ditempatkan di Sarajevo.

Kontinjen Malaysia Keempat (MALCON IV) di BiH juga dikenali dengan *4th Malaysian Battlegroup (4 MBG),* di bawah pemerintahan OPCON MND SW, United Kingdom (UK) yang berpangkalan di Banja Luka. Selain daripada 4 MBG, terdapat lima pasukan tentera *(Battle Group)* yang lain di bawah pemerintahan MND SW. Semua aspek komunikasi dan keselamatan komunikasi (COMSEC) dalam kawasan tanggungjawab MND SW adalah di bawah Komander Sistem Maklumat Komunikasi (COMDCIS) yang juga merupakan Ketua Skn Semboyan Diraja (UK).

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEUPAYAAN KOMUNIKASI

Faktor Muka Bumi. Pada keseluruhannya, keadaan muka bumi negara BiH adalah 80 peratus bergunung-ganang dan selebihnya kawasan lembah dan rata. Purata ketinggian adalah antara 1,500 hingga 2,000 meter, yang kebanyakan kawasannya terbuka dan berbatu batan. Keadaan muka bumi sebegini sangat sesuai bagi perhubungan radio Frekuensi Sangat Tinggi (FST) gelombang terus dan Frekuensi Tinggi (FT) yang menggunakan gelombang bumi. Kawasan yang sesuai untuk menempatkan stesen ulang pancar (stesen rebro) mudah diperolehi dan didaki dengan menggunakan kenderaan beroda pada musim panas dan kenderaan berantai pada musim sejuk.

Faktor Cuaca. Keadaan cuaca di BiH dipengaruhi oleh empat musim setiap tahun. Kekerapan perubahan tekanan suhu di kawasan Balkan sering menyebabkan berlakunya angin kencang dan hujan ribut. Dalam keadaan cuaca yang tenang, komunikasi berada dalam keadaan baik, tetapi sekiranya berlaku angin kencang dan ribut, keadaan komunikasi menjadi sukar, namun masih boleh bekerja. Dalam keadaan tertentu, angin kencang bertiup sehingga 40 kmj terutama di penempatan stesen ulang pancar di kawasan tanah tinggi. Ketinggian yang paling sesuai untuk menempatkan stesen ini adalah antara 1,300 hingga 1,400 meter. Ini adalah kerana kebanyakan ketinggian yang melebihi paras tersebut, keadaan puncaknya berbatu batan tanpa pokok dan sering dilanda ribut salji. Tempat-tempat ini tidak sesuai untuk penempatan stesen ulang pancar manakala penyelenggaraannya pula rumit dan sukar didaki.

Frekuensi. Tentera British sangat mengambil berat dan menitikberatkan keselamatan komunikasi. Ia merangkumi keselamatan fizikal, keselamatan pancaran dan keselamatan maklumat/dokumen. Pengawalan frekuensi dilakukan oleh COMDCIS MND SW. Semua pasukan tentera diberi senarai frekuensi yang perlu digunakan dan bertukar setiap hari. Pada bulan Oktober 1997, semua pasukan tentera diarahkan untuk menggunakan frekuensi yang tetap disebabkan tahap siap siaga operasi di kawasan MND SW semakin rendah. Ini membolehkan semua pasukan tentera berhubung antara satu sama lain dalam komunikasi terbuka dengan menggunakan sistem kod gred rendah *(low grade code system)* yang sedia ada secara maksimum. Sepanjang misi MALCON IV, frekuensi yang sesuai digunakan di kawasan misi adalah antara 4.8 megahertz (mhz) hingga 5.5 mhz bagi FT untuk waktu siang dan 4 mhz hingga 4.5 mhz pula bagi waktu malam. Bagi radio FST pula menggunakan jalur frekuensi FST yang tinggi iaitu antara 50 mhz ke 70 mhz.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

Radio. Dalam operasi MALCON di BiH, radio taktikal digunakan sebagai peralatan komunikasi utama untuk Komander memberi perintah dan kawalan kepada unit-unit di medan. Peralatan komunikasi yang digunakan adalah radio FST sebagai komunikasi utama dan radio FT sebagai sistem sandar. Jenis komunikasi yang disediakan adalah komunikasi statik antara Markas MALCON IV dan penempatan-penempatan, komunikasi bergerak dan komunikasi bergerak Armor. Semua peralatan radio FST dan FT yang digunakan boleh bekerja dengan baik di semua penempatan MALCON,

lebih-lebih lagi komunikasi radio bergerak kerana mempunyai peralatan yang lengkap yang dipasang dengan sistem komunikasi kenderaan (*Vehicular Communication System*). Komunikasi FT menggunakan radio *Scimitar H*, boleh berhubung di sepanjang jalan dari Kem Livno hingga ke Banja Luka (110 km *'crow flies'*), manakala radio FST pula mempunyai jarak komunikasi sejauh 30 ke 40 km yang menggunakan stesen ulang pancar di Gunung Ivovik (pada ketinggian 1,300 meter di banjaran gunung antara Livno dan Kuperes) iaitu 8 km dari Kem Livno. Adalah sukar untuk mencari stesen ulang pancar di kawasan berkenaan kerana kebanyakan jalan menuju ke puncak gunung dipenuhi dengan periuk api yang ditanam oleh pihak yang bertelagah.

Walkie Talkie. Selain daripada menggunakan komunikasi radio taktikal, *Walkie Talkie* digunakan sebagai rangkaian sandar untuk komunikasi perintah. Komunikasi ini sangat meluas digunakan bukan sahaja oleh tentera kita malahan oleh tentera NATO dan juga pihak-pihak yang bertelagah. Dengan menggunakan stesen pengulang (*Repeater Station*) di Gunung Ivovik, komunikasi *Walkie Talkie* dapat menghubungkan Kem Kuperes dan Kem Livno pada jarak lebih kurang 30 km. Namun demikian, komunikasi antara Kem Livno dan Kem Glamoc (salah satu penempatan elemen Mekanis) tidak dapat dihubungkan dan memerlukan satu lagi stesen pengulang di sekitar kawasan Koricina.

Satelit. Sistem komunikasi satelit MALCON menggunakan satelit komersial untuk berkomunikasi antara semua penempatan dan ke Malaysia. Sistem satelit yang digunakan ialah *International Maritime Satellite (INMARSAT)*, yang menggunakan dua daripada empat satelit iaitu *Atlantic Ocean Region East (AOR-E)* dan *Indian Ocean Region (IOR)*. Stesen Satelit Bumi (LES) di Burun, Holland atau Kuantan, Pahang pula untuk berkomunikasi ke Malaysia dan digunakan semua penempatan MALCON; yang menyediakan kemudahan sistem suara dan faksimile. Selain daripada sistem satelit *INMARSAT*, terdapat kemudahan komunikasi satelit yang diperuntukkan oleh PBB kepada MALCON yang diberi nama *Very Small Apperture Terminal (VSAT)*. Komunikasi *VSAT* dengan bantuan *International Satellite (INTELSAT)*, boleh menghubungkan semua pasukan NATO dan bukan NATO di bawah MND SW, juga menyediakan kemudahan sistem suara dan faksimile.

Radio 1 Kilowatt Mackey Adaptive. Peralatan ini sebagai sistem pendua kepada komunikasi ke Malaysia, yang menyediakan hanya sistem suara sahaja. Pengendalian sistem ini rumit dan memerlukan anggota yang mahir.

Petugas sedang menggunakan peralatan Mackey

Telefon. Penyediaan komunikasi MALCON adalah tugas utama Elemen Semboyan tetapi menyediakan telefon yang disewa dari Telekom BiH untuk kemudahan perkhidmatan dan anggota-anggota membuat panggilan ke Malaysia adalah tugas yang lebih utama sekiranya dilihat dari sudut moral. Setiap operator telefon

sentiasa diingatkan agar memberi perkhidmatan yang cekap dan memuaskan hati pelanggan. Sistem talian telefon ini juga digunakan untuk menghantar utusan ke Malaysia yang menggunakan kemudahan faksimile, di samping anggota-anggota membuat panggilan persendirian kepada keluarga masing-masing. Semua anggota dikehendaki membayar balik setiap panggilan yang dilakukan. Selain daripada itu, untuk mengurangkan bil panggilan telefon, kemudahan sistem telefon satelit dari syarikat *MC International, USA* diadakan. Sistem telefon satelit ini telah berjaya menjimatkan 65 peratus bagi setiap bil telefon anggota yang membuat panggilan persendirian ke Malaysia.

Pengurusan Surat Menyurat. Pengurusan surat menyurat merupakan satu lagi tugas penting Elemen Semboyan. Penghantaran surat dan bungkusan rasmi dari BiH ke Malaysia diuruskan oleh Pusat Komunikasi (PUSKOM) Elemen Semboyan. Semua surat dan bungkusan rasmi akan dikumpulkan oleh PUSKOM Livno dari penempatan-penempatan di Kuperes dan Glamoc dua kali seminggu. Surat-surat dan bungkusan-bungkusan ini akan dihantar ke PUSKOM Split untuk dihantar pula ke Malaysia menggunakan agen DHL. Semua surat dan bungkusan dari Malaysia yang tiba di BiH pula menggunakan perkhidmatan Kargo, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Semua surat dan bungkusan akan dikutip oleh Pejabat Pos Split, juga dua kali seminggu dan diedarkan ke semua penempatan melalui Khidmat Hantaran Semboyan (KHS). Bagi tentera British, tugas pengurusan surat menyurat dipertanggung jawabkan kepada Markas Logistik di Split, manakala penghantaran surat-surat dan bungkusan-bungkusan pula melalui elemen KHS mereka setiap hari ke semua penempatan tentera British di BIH.

Komunikasi Dengan Agensi Awam. Selain daripada perhubungan menggunakan telefon biasa, Elemen Semboyan MALCON IV juga mengadakan rangkaian komunikasi kecemasan antara Markas MALCON dan pihak agensi awam seperti '*United Nation High Commission of Refugees' (UNHCR), Organization Security and Coordination Europe' (OSCE), 'International Police Task Force' (IPTF), 'European Community Monitoring Mission' (ECMM) dan 'United Nation Civil Agencies' (UNCA*). Komunikasi ini menggunakan *Walkie Talkie* agensi masing-masing yang diprogramkan dalam frekuensi yang sama dan membolehkan berkomunikasi antara satu sama lain sekiranya kecemasan. Dalam keadaan ini, MALCON ditugaskan untuk menyelamatkan agensi awam yang terlibat untuk dihantar ke kawasan selamat.

Komunikasi Pilihan Raya. Semasa Pilihan Raya Perbandaran Negara BiH yang telah diadakan pada 13 dan 14 September 1997, persiapan yang rapi telah dibuat oleh OSCE yang diberi tanggungjawab sebagai badan yang menguruskan pilihan raya, manakala pihak SFOR pula membantu dalam mengekalkan keamanan semasa pilihan raya tersebut. Selain daripada mengadakan Komunikasi Pilihan Raya dari Markas MALCON ke pusat mengundi OSCE, Elemen Semboyan MALCON IV juga bertanggungjawab untuk melatih pegawai penyelia pilihan raya tentang penggunaan peralatan, keselamatan perhubungan dan prosedur percakapan *walkie talkie* mereka. Di peringkat MND SW pula, latihan percubaan radio FST/FT *(VHF/HF Compatability*) telah diadakan dengan menggunakan semua peralatan radio komunikasi pasukan tentera bagi membolehkan Markas MND SW berhubung dengan semua pasukan tentera sekiranya perlu.

Pembaikan Peralatan Komunikasi Dan Elektronik. Bagi menentukan peralatan komunikasi dan elektronik yang rosak di kawasan misi diperbaiki, Elemen ini telah diberi tanggungjawab untuk pembaikan peralatan-peralatan tersebut di Bengkel Teknik Medan. Bagi peralatan komunikasi yang tidak dapat diperbaiki disebabkan ketiadaan alat ganti di pasaran tempatan atau memerlukan pembaikan khusus, akan dihantar balik ke Malaysia. Selain daripada itu, bengkel ini juga bertanggungjawab untuk memperbaiki alat-alat hiburan seperti

televisyen, perakam video, komputer dan alat penerima satelit *(satellite receiver)* bagi kemudahan anggota-anggota MALCON. Mengikut statistik pembaikan peralatan komunikasi dalam jangka masa operasi yang sama, didapati tahap kerosakan peralatan ini lebih rendah berbanding dengan peralatan yang sama di Malaysia. Faktor cuaca yang sejuk didapati telah mengurangkan kekerapan kerosakan terhadap peralatan komunikasi.

Janakuasa Elektrik Medan. Janakuasa elektrik medan Elemen Semboyan dianggap sebagai 'anak emas' oleh elemen dan diletakkan sebagai janakuasa siap sedia untuk membekalkan kuasa elektrik di medan sekiranya MALCON diaturgerakkan. Khidmatnya sangat diperlukan sekiranya kuasa elektrik terputus. Pada musim sejuk, purata suhu adalah bawah sifar darjah Celcius. Suhu ini akan bertambah sejuk sekiranya mengambil kira faktor angin, dan ditambah lagi sekiranya alat pemanas tidak berfungsi akibat ketiadaan kuasa elektrik. Penempatan-penempatan di *Ice Station Zebra*, Stesen Rebro Gunung Ivovik dan *Parking Area* di Split menggunakan janakuasa secara berterusan kerana ketiadaan bekalan elektrik di lokasi-lokasi tersebut.

'WINTERIZATION'

Persiapan '*winterization*' perlu dilaksanakan sebelum musim sejuk. *'Winterization'* adalah proses di mana Elemen membuat persiapan dari segi peralatan, pakaian dan aktiviti-aktiviti bagi menghadapi musim sejuk. Persiapan ini penting bagi menentukan segala pelaksanaan operasi tidak terjejas disebabkan tiada persiapan awal bagi menghadapi musim ini. Antara perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh Elemen adalah seperti berikut:

* Menentukan semua minyak injin janakuasa dan kenderaan ditukar kepada minyak musim sejuk. Janakuasa hendaklah ditutup bagi mengelakkan dilitupi salji.

* Menentukan semua alat pemanas boleh berfungsi dan dibuat penyenggaraan.

* Menentukan semua kabel talian medan dilindungi dari terkena salji. Antena dan piring parabola pula dibersihkan sekiranya bersalji.

AKTIVITI-AKTIVITI DAN ANCAMAN PEPERANGAN ELEKTRONIK

Memang tidak dinafikan, ancaman peperangan elektronik di kawasan Balkan adalah besar kerana kebanyakan negara-negara di kawasan tersebut mempunyai tentera yang kuat dan moden. Penggunaan peralatan peperangan elektronik sama ada di darat, laut atau udara telah lama digunakan oleh mereka sejak Perang Dunia Kedua lagi. Ketiga-tiga pihak yang bertelagah berkemampuan melaksanakan aktiviti-aktiviti peperangan elektronik ke atas ketumbukan masing-masing. Mereka juga melaksanakan ancaman peperangan elektronik ke atas pasukan-pasukan SFOR untuk mengumpulkan maklumat bagi kepentingan masing-masing. Pengawasan aktiviti peperangan elektronik dipertanggungjawabkan kepada Pusat Kordinasi Peperangan Elektronik Divisyen (DEWCC) Komunikasi Pihak Atasan (MND SW). DEWCC MND SW mengadakan stesen pengawasan untuk mengawasi Spektrum Elektro Magnetik (EMS) dan menghindarkan pihak yang bertelagah dari mengeksploitasikan penggunaan EMS. Selain daripada itu, semua penempatan radio dan elektronik yang telah dikenal pasti diperiksa dari masa ke masa. Dalam satu kejadian di mana pihak Serb di bawah kuasa Rodovan Keradzic dari Pale telah berjaya menguasai siaran TV di selatan Republik Srpska dari kerajaan Serb di bawah Presiden Biljana Plasvic (yang di sokong oleh SFOR) berpusat di Banja Luka dengan melakukan pengejeman (*jamming*) ke atas stesen televisyen tersebut. Dengan berbuat demikian, mereka boleh menyiarkan propaganda mereka agar semua rakyat berpihak kepada mereka. Pihak SFOR

telah bertindak balas dengan melancarkan Operasi Bosanna, dengan melakukan pengejeman stesen televisyen Serb di Pale dan menyiarkan semula rancangan asal dari Banja Luka menggunakan satelit kepunyaan NATO.

KOMUNIKASI PIHAK ATASAN (MND SW)

Semua komunikasi pihak atasan (MND SW) adalah tanggungjawab Pasukan Semboyan Tentera British. Sistem komunikasi tentera British di BiH ternyata moden dan canggih. Walaupun Elemen Semboyan MALCON IV tidak mempunyai peralatan komunikasi secanggih tentera British, namun demikian kita patut berbangga kerana mempunyai anggota Semboyan yang kecekapannya setanding dengan anggota Semboyan Tentera British, NATO dan bukan NATO dalam penyediaan komunikasi di BiH; bak kata pepatah 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah'. Anggota-anggota juga berkemampuan mengendalikan semua peralatan komunikasi yang disediakan oleh tentera British seperti berikut:

* ***Satellite Communication (SATCOM).*** MND SW menggunakan sistem *SATCOM* yang menggunakan satelitnya sendiri iaitu *Satellite Skynet 4 Charlie*. Terminal *SATCOM*nya menggunakan Stesen Satelit Bumi di Oakhanger, UK dan disambungkan ke terminal sistem *'EUROMUX' di Corsham, UK.* Jenis-jenis *SATCOM* yang digunakan adalah TSC 502, VSC 501, MOST dan Telekom British. Semua staf di Markas MALCON menggunakan kemudahan telefon dan faksimile melalui sistem ini untuk berhubung dengan rakan sejawat mereka di Markas MND SW dan pasukan-pasukan tentera lain.

* **Talian.** Talian telefon yang digunakan adalah dari Syarikat Telekom Bosnia (PTT) dan Telekom Croatia (HPT). Talian telefon yang menyeberangi *Inter Entity Boundry Line (IEBL)* di antara Republik Srpska dan Persekutuan Bosnia baru dipulihkan mulai bulan September 1997 yang mana sebelum ini tiada talian telefon yang menghubungkan kedua-dua wilayah akibat peperangan.

* **Geganti Radio (Radio Relay (RR).** Sistem RR hanya merangkumi kawasan di bahagian utara MND SW. Bagi bahagian selatan, sistem *SATCOM* digunakan untuk menghubungkan *EUROMUX.* Sistem *SATCOM* di Kem Livno telah ditukarkan kepada sistem RR pada penghujung tahun 1997.

* ***EUROMUX.*** *EUROMUX* di Ptarmigan merupakan kemudahan komunikasi *trunk* tentera British yang utama dalam perintah dan kawalan MND SW di kawasan tanggungjawabnya (KTJ). Sistem *EUROMUX* adalah sistem komunikasi tentera British yang mampu memproses data berdarjah sehingga ke peringkat Rahsia. Sistem ini menyediakan kemudahan suara, telegraf, faksimile dan *data transfer.* Ia dilengkapi dengan sistem *EUROMUX Management and Data System (EMADS)* yang berkeupayaan mengesan sebarang kerosakan sistem dalam litar *trunk.* Komunikasi *EUROMUX* menggunakan alat komunikasi *SATCOM* dan RR.

* ***Combat Net Radio (CNR).*** Rangkaian komunikasi utama ini menggunakan radio FST antara Markas MND SW dan semua pasukan tentera dalam Rangkaian Pemerintahan FST Divisyen MND SW. Setiap pasukan menempatkan Anggota Pautan Belakang *(Rear Link)* Divisyen seramai enam orang bagi setiap penempatan stesen ulang pancar. Selain daripada itu, terdapat dua rangkaian komunikasi lain dalam MND SW iaitu Rangkaian Komunikasi *Division HF Safety* dan Rangkaian Komunikasi *Aviation Flight Safety.*

* ***Secure Commercial Radio (SCR).*** *SCR* adalah rangkaian komunikasi radio yang mempunyai fungsi yang sama seperti sistem komunikasi *Walkie Talkie*. Ia boleh bekerja dengan selamat (*secure*) dan boleh memasuki rangkaian *EUROMUX*. Semua pasukan tentera disediakan sistem *SCR* untuk perhubungan di antara Komander dan Komander MND SW dalam kawasan liputan dengan menggunakan saluran yang telah ditetapkan.

* ***Walkie Talkie.*** *Walkie Talkie* yang terdapat di MND SW dibekalkan oleh PBB dan tentera British adalah dari jenama dan model yang sama digunakan oleh tentera kita. Dengan menempatkan beberapa penempatan stesen pengulang, komunikasi *Walkie Talkie* MND SW merangkumi keseluruhan KTJ.

* ***Tactical Satellite (Tacsat).*** *Tacsat* merupakan sistem komunikasi satelit taktikal mudah alih yang menggunakan sistem FST sebagai komunikasi alternatif untuk semua pasukan NATO dan bukan NATO. Ia menggunakan satelit yang sama dengan sistem *EUROMUX* tetapi mempunyai saluran tetuju berasingan iaitu dalam sistem FST. Komunikasi satelit taktikal digunakan untuk perhubungan di antara Markas SFOR, Markas Atasan (*HICOMD*) dan semua Markas MND di bawah naungannya. Kemudahan sistem yang disediakan adalah sistem suara dan data, yang bekerja dalam mod keselamatan. Sistem ini boleh dilengkapkan dengan penyesuai antara muka (*interface*) dengan radio taktikal FST.

* ***INMARSAT.*** Peralatan *INMARSAT* MND SW adalah sama dengan sistem *INMARSAT* yang kita miliki.

* ***Very Small Apperture Terminal (VSAT).*** Sistem *VSAT* yang digunakan adalah sama dengan sistem yang disediakan oleh PBB kepada kita.

* ***Communications Information System (CIS).*** *CIS* yang menggunakan sistem *Division Wide Area Network (WAN)* berkemampuan menghubungkan Markas MND SW dan semua pasukan tentera dengan menggunakan komputer bagi kegunaan PUSKOM dan staf-staf penting. Sistem ini berfungsi bagi menggantikan sistem fail '*data transfer*' yang sedia ada. Selain dari bertanggungjawab ke atas sistem komunikasi strategik MND SW, Cawangan Teknologi Maklumat (IT) CIS juga bertanggungjawab membekalkan program perisian '*anti virus*' yang terkini kepada semua pengguna dan menentukan semua komputer berada dalam keadaan baik.

PELAJARAN YANG DIPEROLEHI

Muka bumi yang terbuka dan bergunung-ganang serta cuaca yang dipengaruhi oleh empat musim banyak mempengaruhi keupayaan komunikasi di BiH. Penggunaan radio FST gelombang terus dan FT gelombang bumi, didapati sangat sesuai digunakan di rantau tersebut. Penggunaan radio FT yang menggunakan gelombang udara pula kurang sesuai disebabkan pengaruh cuaca yang tidak menentu. Mengikut teori, keadaan muka bumi yang ditumbuhi hutan mewujudkan suasana komunikasi yang paling sukar sekali[1]. Jika teori ini diambil kira untuk perbandingan, keupayaan komunikasi di Malaysia adalah lebih rumit dan sukar jika dibandingkan dengan di BiH. Ini adalah kerana kebanyakan muka bumi di Malaysia berbukit-bukau dan ditumbuhi oleh hutan tropika. Gelombang radio FST dan FT yang dipancarkan menggunakan gelombang bumi

[1] United States Army Signal School, Port Gordon, Georgia, **Conventional and Field Expedient Antennas, Pro Patria Vigilans, 1978,** hal 4-4.

akan tersekat dan dihalang oleh pokok-pokok dan bangunan-bangunan yang menyebabkan jarak komunikasi terhad. Untuk menambahkan jarak komunikasi, stesen ulang pancar perlu ditempatkan untuk komunikasi radio FST. Lokasi yang sesuai untuk stesen ulang pancar di kawasan tinggi yang mendominasi kawasan sekeliling pula sukar diperolehi. Biasanya kawasan ini ditumbuhi hutan dan sukar didaki. Penggunaan pesawat udara untuk menempatkan stesen ulang pancar di puncak bukit yang sukar didaki adalah salah satu cara untuk menambahkan jarak komunikasi radio FST. Sebagai alternatif, penggunaan radio FT menggunakan gelombang udara sering digunakan, namun penggunaannya terlalu terdedah dan tidak selamat dari aktiviti-aktiviti serangan elektronik musuh. Sebagai contoh, pancaran radio FT menggunakan gelombang udara frekuensi 6 mhz yang biasa digunakan boleh didengar oleh pihak musuh sehingga 700 km.

Keupayaan operator radio MALCON IV melaksanakan tugas adalah setanding dengan operator tentera British dan tentera-tentera lain NATO. Elemen Semboyan MALCON IV mampu menyelia dan mengkordinasi semua aspek komunikasi dengan baik dan berjaya melaksanakan operasi yang dipertanggung jawabkan. Dari segi pengetahuan dan pengalaman operator radio pula, Elemen Semboyan tidak banyak bezanya jika dibandingkan operator NATO. Namun, perbezaan yang ketara adalah dari segi sikap dan disiplin yang tinggi dalam pengendalian peralatan dan prosedur komunikasi. Selain daripada itu, operator kita kurang mempunyai sikap ingin belajar dan menimba pengetahuan baru semasa mengendalikan peralatan bagi meningkatkan mutu profesionalisme mereka. Pelaksanaan pelbagai operasi dalam misi ini memerlukan tindakan yang cepat dan pantas. Kesedaran di kalangan warga Semboyan menjaga keselamatan komunikasi perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan ancaman aktiviti serangan elektronik musuh. Namun begitu mutu kepimpinan yang tinggi dari kalangan semua lapisan pemerintahan Semboyan di segi pengurusan sistem komunikasi menjadi faktor utama dalam membolehkan komunikasi dapat dilaksanakan dengan baik.

Sistem komunikasi MALCON IV tidak dibekalkan dengan sistem keselamatan yang sepatutnya. Bagi menghadapi situasi ini, sistem kod gred rendah yang sedia ada telah digunakan. Untuk meningkatkan taraf keupayaan keselamatan dalam sistem komunikasi pada masa hadapan, sistem keselamatan perlulah dibekalkan kepada rangkaian komunikasi pemerintahan taktikal bagi melindungi maklumat dari kebocoran.

Sepanjang penugasan di BiH, pelbagai sistem komunikasi digunakan oleh MALCON dan pasukan NATO. Kebanyakan pasukan NATO menggunakan radio FST dan sistem satelit taktikal sebagai rangkaian komunikasi pemerintahan taktikal. Sistem *EUROMUX* yang menggunakan satelit dan geganti radio, digunakan sebagai rangkaian komunikasi strategik utama untuk perhubungan semua pasukan di bawah perintah. Bagi MALCON, radio FST juga digunakan sebagai rangkaian komunikasi pemerintahan taktikal manakala sistem satelit INMARSAT dan talian telefon PTT BiH digunakan sebagai sistem komunikasi strategik utama. Talian sistem INMARSAT sukar didapati di BiH. Ini disebabkan ramai pengguna menggunakan satelit komersial tersebut. Talian telefon PTT BiH pula sangat terhad akibat kerosakan semasa peperangan. Pada keseluruhannya, sistem satelit sangat sesuai digunakan sebagai sistem utama komunikasi strategik dan taktikal kerana penggunaannya tidak kira masa, selamat, tidak memerlukan stesen geganti dan tiada jarak had perhubungan.

Selain INMARSAT dan talian telefon, radio '*1 Kilowatt Mackay Adaptive*' digunakan sebagai sistem sandaran kepada komunikasi utama perhubungan ke tanah air. Radio *1 Kilowatt Mackay Adaptive* yang dikenali sebagai sistem komunikasi jarak jauh menggunakan sistem radio FT, juga digunakan sebagai

komunikasi utama dalam misi PBB yang lain seperti di Somalia, Cambodia dan lain-lain misi PBB. Sistem ini digunakan sebagai sistem sandaran kepada sistem satelit dan talian kerana ada kalanya kemudahan satelit dan talian tidak dapat digunakan atau tidak ada kemudahan disediakan dalam misi tersebut. Konsep radio ini bekerja menggunakan gelombang udara dan banyak dipengaruhi oleh cuaca dan gangguan atmosfera. Dalam jarak lebih kurang 10,000 km dari Malaysia, gelombang udara yang dipancarkan akan '*hop*' sebanyak lebih kurang 10 kali sebelum sampai ke stesen penerima. Sistem adaptif radio ini secara automatik bekerja dalam frekuensi optimum (OWF) pada masa itu yang mana OWF sentiasa berubah-ubah; kesan gangguan atmosfera. Dalam penugasan MALCON IV, sistem ini tidak dapat berfungsi dengan baik dan kerap berlaku kerosakan. Perisian sistem adaptasi peralatan ini pula tidak berfungsi. Selain daripada itu, sistem ini tidak mempunyai antena dan antena '*mast*' yang sesuai bagi kegunaan di kawasan misi. Penugasan seperti misi ini memerlukan antena mudah alih (*transportable*) dan antena *'mast'* yang ketinggiannya lebih kurang 60 meter. Antena mudah alih yang sesuai digunakan adalah jenis antena '*Vertical Half Rhombic dan Slopping Vee'*.

Sistem komunikasi yang digunakan oleh elemen-elemen MALCON IV terdiri daripada pelbagai jenis peralatan komunikasi. Walau bagaimanapun hanya Elemen Mekanis mempunyai kemudahan sistem keselamatan. Ini membuatkan sistem keselamatan yang dimiliki oleh Elemen Mekanis tidak dapat digunakan oleh kerana sistem ini tidak saling khidmat (*non-interoperatability*) dengan sistem komunikasi elemen lain MALCON IV, jika menggunakan mod keselamatan. Pihak British menggunakan hanya satu jenis alat radio FST iaitu jenis UK 353 untuk komunikasi bagi semua pasukan yang terlibat dalam operasi gabungan *(Combined Arms Op)*. Ini membolehkan mereka melaksanakan operasi dengan lebih cekap.

Pengurusan anggota yang cekap merupakan salah satu faktor penentu kejayaan sesuatu operasi yang dijalankan lebih-lebih lagi melibatkan suasana operasi seperti di BiH dan misi-misi pengamanan lain PBB. Antara faktor yang menyebabkan prestasi anggota lemah dan moral yang rendah dalam sesuatu operasi ialah tidak yakin dan tidak mahir mengendalikan peralatan komunikasi, prosedur bekerja yang tidak menentu, suasana tempat kerja yang sentiasa tegang, keselamatan keluarga di kampung, perasaan tidak selamat, keadaan cuaca sejuk yang luar biasa, penduduk awam yang asing dan terdedah kepada ancaman serangan musuh. Semua faktor yang dinyatakan di atas memerlukan anggota yang mempunyai semangat kental, daya tahan dan disiplin yang tinggi untuk menghadapi situasi sedemikian. Sumber manusia adalah aset paling penting yang memerlukan pentadbiran sempurna bagi meningkatkan semangat anggota. Berbagai-bagai aktiviti dirancang oleh Markas MALCON dan Elemen Semboyan untuk menentukan semangat dan morale anggota sentiasa tinggi. Antaranya latihan sambil belajar, kursus pengendalian peralatan baru, aktiviti keagamaan, mengadakan tempat tinggal yang selesa, makanan yang bermutu, cuti rehat di dalam kawasan operasi, aktiviti riadah, kemudahan telefon yang selesa, peralatan hiburan termasuk bahan bacaan dan surat khabar dari Malaysia, berita semasa dari Internet, membeli belah di kedai '*Post Exchange' (PX)* dan aktiviti-aktiviti lain lagi. Namun apa jua aktiviti yang dilaksanakan, keadaan tegang dan tekanan di medan peperangan tetap ada dan memerlukan kesedaran dari setiap anggota yang terlibat. Latihan yang diberi kepada anggota dalam menyediakan komunikasi sebelum sesuatu misi mestilah menggambarkan keadaan realiti yang bakal dihadapi. Semua anggota Semboyan perlu diajar dan mahir untuk mengendalikan semua peralatan yang baru sebelum terlibat dalam misi bagi mengurangkan lagi tekanan kerja. Prosedur Tetap Operasi (PROTAP) komunikasi bagi penugasan PBB perlu diadakan dan dikemaskinikan bagi memudahkan lagi pengendalian peralatan komunikasi. Semua staf dan anggota pula perlu didedahkan dengan kesedaran betapa mustahaknya menjaga maklumat agar tidak bocor semasa membuat

pancaran komunikasi. Sistem komunikasi yang tidak selamat membuatkan keadaan menjadi bertambah buruk lagi.

Komunikasi *Walkie Talkie* adalah penting selain daripada komunikasi radio FST. Dalam operasi ini, komunikasi *Walkie Talkie* begitu aktif digunakan oleh staf dan elemen-elemen semasa melaksanakan tugas-tugas misi. Selain daripada pasukan NATO dan bukan NATO menggunakan radio ini, kebanyakan agensi awam juga menggunakan *Walkie Talkie* sebagai komunikasi utama mereka.

Statistik menunjukkan bahawa kerosakan peralatan komunikasi yang digunakan di BiH adalah kurang berbanding dengan kerosakan peralatan komunikasi dan jangka masa yang sama di Malaysia. Didapati kekerapan kerosakan sesuatu peralatan radio di BiH adalah lebih kurang enam bulan sekali. Ini menunjukkan bahawa dalam sepanjang misi MALCON IV, hanya sekali atau tiada langsung peralatan radio yang digunakan oleh elemen-elemen dimasukkan ke bengkel untuk pembaikan. Faktor cuaca yang sejuk didapati telah mengurangkan kekerapan kerosakan terhadap peralatan komunikasi. Walau bagaimanapun, kesahihan keterangan ini boleh dipersoalkan kerana tiada statistik perbandingan sebelum ini, namun pengalaman yang diperolehi boleh dijadikan sebagai asas ukuran.

Salah satu pengalaman yang diperolehi semasa bertugas di BiH adalah penggunaan frekuensi yang perlu ditukar setiap hari. Walaupun arahan penggunaan frekuensi yang perlu ditukar setiap hari nampak mudah tetapi hakikatnya adalah sukar. Ini memerlukan ketekunan dan disiplin operator radio yang tinggi untuk mematuhi segala arahan yang dikeluarkan. Setiap pasukan tentera di bawah MND SW diberi senarai frekuensi dan dikehendaki menggunakan frekuensi tersebut bagi kegunaan pasukan masing-masing. Sekiranya terdapat keperluan tambahan frekuensi baru, permohonan perlu dibuat kepada *COMDCIS MND SW* untuk kelulusan. Pasukan pengawasan keselamatan komunikasi (COMSEC) MND SW sentiasa mengawasi rangkaian pasukan tentera untuk menentukan arahan ini dilaksanakan. Teguran akan dibuat oleh *COMDCIS* sekiranya arahan ini tidak dipatuhi.

CADANGAN

Komunikasi Satelit untuk ATM. Sistem komunikasi satelit merupakan komunikasi yang utama digunakan untuk rangkaian komunikasi pemerintahan dan kawalan oleh MND SW, SFOR. Komunikasi satelit tidak memerlukan stesen geganti dan tiada had jarak perhubungan. Semasa peperangan Falkland pada tahun 1982, pihak British menggunakan komunikasi satelit jenis TSC 502 untuk komunikasi strategik dari Pulau Falkland ke UK.[2] Satelit yang sama juga digunakan oleh tentera British di BiH. Sistem komunikasi satelit ini sangat sesuai digunakan oleh ATM untuk komunikasi di peringkat Strategik dan Operasional. Memandangkan kos untuk menghantar satelit komunikasi ATM memerlukan perbelanjaan yang besar, kerjasama dengan syarikat telekomunikasi yang sedia ada boleh diadakan untuk mengadakan saluran tetuju khas bagi kegunaan komunikasi ATM.

Menggunakan Sistem Komunikasi Saling Khidmat Dalam ATM. Dalam sesuatu operasi gabungan semua pasukan, peralatan radio digunakan oleh Komander MALCON untuk berhubung dengan semua elemen di bawah naungannya. Peralatan ini mestilah mampu berkomunikasi antara satu sama lain agar perintah dapat diberi dengan cepat dan selamat. Ini memerlukan peralatan radio yang sama jenisnya atau sekurang-kurangnya saling khidmat antara satu sama lain. Oleh yang demikian, faktor saling khidmat diberi keutamaan dalam

---

[2] Philip Warner, **The Vital Link: Theory of Royal Signal 1945-1985**, Loe Cooper Ltd, 1989, hal. 185.

perolehan peralatan komunikasi pada masa akan datang agar perbelanjaan besar yang dikeluarkan untuk membeli peralatan komunikasi tidak menjadi sia-sia kerana peralatan tersebut tidak dapat berhubung antara satu sama lain terutama dalam sistem keselamatan.

Menubuhkan Rangkaian Komunikasi Walkie Talkie Sebagai Rangkaian Pendua Kepada Rangkaian Perintah di Formasi Briged dan Divisyen. Rangkaian komunikasi *Walkie Talkie* MALCON IV dalam misi di BiH adalah merupakan rangkaian komunikasi yang penting selain daripada rangkaian komunikasi pemerintahan MALCON. Penggunaan *Walkie Talkie* telah digunakan dalam urusan pentadbiran dan operasi harian MALCON. Dalam Tentera Darat, operasi dan latihan lazimnya dilaksanakan di peringkat Briged dan Divisyen. Justeru itu, dicadangkan agar rangkaian *Walkie Talkie* ditubuhkan di peringkat Briged dan Divisyen mengikut konsep rangkaian komunikasi *Walkie Talkie* MND SW. Rangkaian ini seharusnya mampu untuk menghubungkan semua negeri dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya sukar dan memerlukan banyak stesen pengulang. Adalah memadai jika stesen pengulang ini ditempatkan berhampiran markas formasi berkenaan yang berkonsepkan sistem telefon selular awam yang digunakan.

Mengadakan PROTAP Peralatan Baru. Semasa penugasan MALCON IV di BiH, anggota-anggota Elemen Semboyan telah didedahkan dengan beberapa peralatan baru. Peralatan-peralatan baru ini tidak terdapat dalam pegangan Kor Semboyan Diraja. Hanya latihan yang terhad diberi kepada anggota sebagai pendedahan sebelum berkhidmat di BiH. Semasa mengambil alih tugas, anggota didedahkan pula dengan pengurusan dan pengendalian sebenar peralatan ini. Masa yang terhad telah membuatkan keupayaan anggota terbatas untuk memahirkan diri dalam pengurusan dan pengendalian peralatan tersebut. Masalah ini menjadi lebih rumit lagi kerana ketiadaan garis panduan yang jelas bagaimana mengendalikan sistem komunikasi ini. Sebagai contoh, pengendalian peralatan INMARSAT memerlukan operator yang mengetahui kedudukannya pada masa itu, satelit yang perlu digunakan dan arah satelit tersebut. Selain daripada itu, operator juga perlu mahir memilih kod laluan satelit, kod negara dan kod LES yang akan digunakan. Pengendalian ini akan lebih mudah sekiranya terdapat satu PROTAP. PROTAP ini kemudiannya diajarkan kepada anggota-anggota sebelum diatur gerakan untuk operasi-operasi misi pengaman yang akan datang.

PENUTUP

Peningkatan penggunaan peralatan yang moden dan berteknologi tinggi telah membuatkan tugas-tugas komunikasi menjadi lebih mencabar dan memerlukan tahap kecekapan anggota Semboyan yang tinggi. Namun demikian, masalah yang timbul semasa melaksanakan tugas komunikasi seperti '*dead zone*', gangguan atmosfera, jarak komunikasi yang terhad, kerosakan talian, kerosakan peralatan dan lain-lain masalah komunikasi tidak dapat dihindarkan daripada berlaku. Jawapan untuk sejauh mana permasalahan ini akan berlaku bergantung kepada latihan yang sempurna, disiplin yang tinggi dalam pengendalian dan prosedur komunikasi dan tahap kepimpinan setiap peringkat anggota Semboyan dalam pengurusan komunikasi.

BIBLIOGRAFI

*Philip Warner., **The Vital Link: The Story of Royal Signal 1945 – 1985,** Leo Cooper Ltd, 1989.*

*United States Army Signal School, Fort Gordon, Georgia, **Conventional and Field Expedient Antennas, 1978.***

Mejar Abdul Aziz bin Mahmud telah ditauliahkan ke dalam Kor Semboyan Diraja pada 11 April 81. Beliau telah memegang beberapa jawatan di peringkat Skuadron, Rejimen dan Formasi. Dalam tahun 1997, beliau terlibat dalam penugasan MALCON IV di Bosnia Herzegovina sebagai Ketua Elemen Semboyan. Menghadiri beberapa kursus kerjaya di IKED dan juga merupakan lulusan Maktab Turus Angkatan Tentera tahun 1995. Kini bertugas sebagai PS 2 Kom A di Pusat Peperangan Bersama, BOLP, Markas Angkatan Tentera.

Satu minit masa yang akan datang lebih berharga dari seribu tahun yang lampau. Terlewat satu minit tidak akan dapat diganti walaupun seribu tahun. Kelalaian satu saat akan merugikan kita buat selama-lamanya.

MEN AGAINST FIRE

Kol Shahruddin Hassim

INTRODUCTION

Combat power, defined by the US Joint Chiefs of Staff as *"the total means of destructive and/or disruptive force which a military unit can apply against the opponent at a given time"*, constitutes a vital element in the overall level of a nation's military effectiveness.[1] While combat power alone cannot ensure victory in battle, let alone in war, it's attainment and successful application certainly lays the groundwork necessary to attain such a victory. Combat power is said to compromise three basic elements: firepower, manoeuvre, and morale.[2] Firepower and manoeuvre encompass the technological, material, and tactical dimension of combat, whereas morale encompasses its strictly human dimension. While all these elements have been of vital importance to the success of military operations, it is the human element and its relationship to the other elements that has traditionally been the matrix from which combat effectiveness stems.

It will be the purpose of this discussion to explore aspects of this human dimension of combat, primarily as it relates to infantry soldiers on the battlefield and how selected military theorists have attempted to understand their performance. In this respect, particular attention will be given to the work of Charles Ardant du Picq, S.L.A. Marshall, and Paddy Griffith, three of the best known and widely read commentators on *'the sharp end of war'*.

DISCUSSION

Despite the key role that human action plays in combat, or indeed, the importance of combat in influencing the wider course of war, military historians and theorists have tended to concentrate their minds upon grander strategic or technological themes, or in the realm of tactics, on technical and material issues. In terms of the seemingly unquantifiable, and indeed at times irrational, realm of individual and small group psychology and behaviour at the *'sharp end'* comparatively few military writers have ventured into print. Being difficult to assimilate to the orderly requirements of history, the soldier's war has been, in the words of Roger Spiller, *"the great secret of military history "*.[3] Moreover, as Shelford Bidwell has observed, the problem of discovering what actually happens in combat itself lays on *"dangerous ground because the union between soldier and scientist has not yet passed beyond flirtation"*.[4] Yet whether history or psychology conceived as science are able to produce a definitive account or sound general theory of the combat experience is questionable at the very least. That has not prevented numerous military writers from trying however.

While memoirs and anecdotal material from individual combatants have been quite common, the first systematic

---

[1] United State Depatment of Defence., ed. ***Joint Chiefs of Staff: Dictionary of Military Terms***, rev ed. Novato CA: Presido Press, 1991. P98

[2] Australian Army., ed. ***The Fundamentals of Land Warfare.*** Sydney Australian Army, 1993. p40

[3] **Ibid** p 40.

[4] Spiller quoted in Bill Mc Andrew "***The Soldier and the Battle***"in David Charters et al., eds. ***Military History and the Military Profession.*** Westport CN: Praeger, 1992. p 58

attempt to reconstruct battle through participants' first hand accounts appears to be the work of Captain Siborne after Waterloo. The masses of material he collected however, led to something of a *hodgepodge* of unconnected data rather than any great insight into the event. Somewhat more successful was the French soldier Colonel Ardant du Picq who in the 1860's adopted the novel approach of circulating questionnaires to veteran officers in order to get at *'the truth'* about combat. While the venture was not a great success, du Picq's own experiences led him to conclude that it was the psychological condition of the individual soldier above all, that determined his ability to perform the tasks assigned him.[5] In many of his conclusions, he was to foreshadow much of what S.L.A. Marshall would proffer a century later.

Fear and confusion, according to du Picq were the predominant conditions of modern combat:

> *'... the soldier is often unknown to his comrades, He is lost in the smoke, the dispersion, the confusion of battle. He seems to fight alone. Unity is no longer assured by mutual surveillance. A man falls, and disappears who knows whether it was a bullet or the fear of advancing further that struck him!'*[6]

Greater discipline and indoctrination imparted through small group cohesion and strong leadership by officers was, for du Picq the key to overcoming this state of affairs. The importance of the moral dimension, reinforced through training, was therefore paramount. For despite the increasing power of new weapons, it was the willingness of the soldier to close with the enemy that ultimately decided the contest.

While du Picq's reputation has not stood the test of time, his name being too closely associated with the origins of the pre-war French doctrine of offensive a outrance, certain of his conclusions nonetheless represent an important contribution to thought on the subject. Moreover, his influence, albeit unacknowledged, on the work of S.L.A. Marshall is clearly discernable.[7]

Penggunaan senjata ini boleh mempengaruhi negara lain dalam merencanakan strategi dan pertahanan negara. Sebagai contoh, penggunaan senjata kimia dari jenis racun tumbuh-tumbuhan *('herbecides')* dan gas pemedih mata oleh Amerika Syarikat secara meluas semasa Perang Vietnam telah menarik minat Soviet Rusia terhadap penggunaan senjata tersebut dan mengakibatkan penciptaan *'nerve agent'* dalam tahun 1970-an dan 1980-an[7]. Kedua-dua negara telah memberi penumpuan untuk memiliki dan menggunakan senjata ini kerana ia merupakan senjata pemusnah yang paling berkesan dan juga merupakan alat atau kaedah untuk meneutralisasikan instalasi nuklear

[4] **The Encyclopeadia Britannica Inc.**

[5] Kennedy, Robert. 1984. **The Defence of the West, Strategic and European Security Issues Reappraised.** USA: Westview Press: hal 202.

[6] **Ibid**.

[7] Krause, Joachim. 1992. **Chemical Weapon in Soviet Military Doctrine. Military and Historical Experience,** 1915 - 1991. USA Westview Press: hal 156 ,

pihak musuh. Hakikat ini boleh digunakan sebagai alat cegahrintang. Oleh itu, dengan memiliki senjata ini, sesebuah negara itu akan merasakan mempunyai kuasa yang lebih, dan ini pasti akan memberi kesan akan strategi dan dasar luar negara tersebut.

Seperkara lagi, pemilikan senjata ini akan mengakibatkan doktrin dan organisasi struktur ketenteraan negara tersebut juga turut berubah. Ekoran daripada penggunaan senjata ini, industri-industri hiliran lain akan turut sama berkembang seperti penciptaan dan pengeluar topeng gas, pakaian pelindung gas, alat-alat sistem penggera dan perlindungan awam. *Caramana untuk mengatasi pencemaran muka bumi, anggota tentera dan kenderaan, dan bagaimana pula ini dapat dimaktubkan ke dalam doktrin pertahanan kimia juga perlu dilaksanakan dalam memenuhi keperluan sebuah negara yang memiliki senjata ini* [8].

Namun terdapat sesetengah negara yang memiliki senjata ini tidak mengambil kira aspek-aspek tersebut disebabkan oleh teknologinya yang terhad. Pada mereka memiliki senjata ini akan menambahkan kuasa yang ada dan akan digunapakai dalam pembentukan strategi negara mereka.

SENJATA KIMIA DAN BIOLOGI SEBAGAI 'SENJATA NUKLEAR' NEGARA MISKIN?

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kos pembikinan senjata ini memakan belanja yang lebih ekonomi jika dibandingkan dengan senjata nuklear. Akan tetapi jika dilihat dari segi penggunaannya, negara-negara besar telah memonopolinya bukan sahaja dari segi penggunaannya tetapi juga dari segi pemilikannya. Apakah kerana murah maka ia dikatakan sebagai 'senjata nuklear' negara miskin? Lihat sahaja peningkatan perbelanjaan yang telah dibuat oleh Amerika Syarikat bagi tahun 1978 hingga 1984[9]:

Tahun	Perbelanjaan (US $ (juta)	Peratus Peningkatan
1978	111	-
1979	123	9.8
1980	157	21.7
1981	267	40.0
1982	455	42.4
1983	810	43.8
1984	140	10.4

Begitu juga dengan Soviet Rusia yang dianggarkan mempunyai 20,000 hingga 700,000 tan agen senjata kimia dan terup yang terlatih dan dikhaskan untuk perang kimia dijangkakan berjumlah seramai 50,000 ke 100,000 orang. Mereka ini merupakan pakar dalam peperangan tersebut[10].

Walaupun peperangan kimia dan biologi kurang diberi perhatian akibat dari kemunculan senjata nuklear, namun negara-negara besar seperti Amerika Syarikat dan Rusia tidak akan melepaskan peluang untuk memiliki senjata tersebut. Pemilikan yang berterusan oleh Soviet Rusia ini dijelaskan apabila Pesuruhjaya Perang Soviet yang pertama L. D. Trotskij dalam ucapannya pada tahun 1920-an menyatakan:

> *"... wars can be avoided only if we fill the hearts of the imperialists and capitalist with intense fear of our strength of arms.... For the attacks of the enemy forces to be repelled, we must be armed with all of the latest means of defence which modern war technique can produce. The use of poison*

[8] **Ibid**: hal 61.

[9] Kennedy, Robert. **The Defence of West, Strategic and European Security Issue Reappraised**: hal 214.

[10] **Ibid**: hal 202.

gas in the latest war requires us to keep even this means of warfare in reserve for the defence of our nation against the enemy"[11].

Presiden Amerika Syarikat, Roosevert telah memberi amaran kepada Jepun pada tahun 1942 diikuti sekali lagi pada 8 Jun 1943 menyatakan bahawa *"Any use of gas by any Axist power ... will immediately be followed by the fullest retaliation upon ... military objectives throughout the whole extend of such Axist country"*[12]. Pada hakikatnya, senjata kimia amat berkesan sekali apabila digunakan terutamanya dalam peperangan. Tetapi, nampaknya penggunaan senjata kimia ini didominasikan oleh kuasa-kuasa besar sahaja. Pemilikan senjata ini oleh negara-negara kecil dianggap menjadi satu kesalahan dan membahayakan pihak yang lain.

Negara-negara Libya dan Iran misalnya, menjadikan senjata kimia dan biologi ini sebagai **'senjata nuklear'** mereka. Dengan memiliki senjata ini, negara mereka menjadi sebuah kuasa yang disegani dengan kos yang murah. Mereka juga tidak menghiraukan implikasi-implikasi penggunaannya kerana apa yang penting, mereka berupaya untuk mengganggu-gugat akan keabsahan kuasa-kuasa besar serta merencanakan strategi negara mereka dengan lebih efektif. Dalam krisis tebusan Iran umpamanya, Amerika Syarikat terpaksa menolak daripada mengambil sebarang tindakan kerana mengambil kira nyawa tebusan sekiranya mereka campur tangan. Ini menunjukkan Iran juga berada setanding dengan kuasa besar lain dalam menangani sesuatu isu. Menyentuh tentang senjata ini sebagai **'senjata nuklear bagi negara miskin'**, ia hanyalah merupakan *"journalistic hyperbole"* untuk menarik perhatian dan imaginasi rakyat, kerana keistimewaannya yang tersendiri dalam memusnahkan musuh.

[11] Krause, Joachim. **Chemical Weapons in Soviet Military Doctrine, Military and Historical Experience,** 1915 -1991: hal 36.

[12] **The Encyclopeadia Britannica Inc.**

KAWALAN PENGGUNAAN SENJATA KIMIA DAN BIOLOGI

Adalah menjadi kesukaran untuk menghapuskan senjata kimia yang telah sedia ada. Pemusnahan senjata tersebut akan meninggalkan bahan toksid yang merbahaya kepada manusia dan juga pencemaran kepada alam sekitar. Selain daripada itu, perbelanjaan yang besar perlu dikeluarkan untuk menghapuskan senjata berkenaan dan ini melibatkan beban yang tinggi kepada negara. Dalam era pasca Perang Dingin, memang tidak dapat dinafikan bahawa negara-negara yang tidak mampu memiliki senjata nuklear akan mengubah arah ke atas pemilikan senjata kimia dan biologi disebabkan kosnya yang lebih rendah. Sesebuah negara itu mungkin memikirkan bahawa mereka perlu menggunakan senjata tersebut bagi mencapai objektif tertentu, dan ini akan *'mencetuskan konflik dengan negara-negara lain'*. Masalah untuk melaksanakan verifikasi boleh timbul kerana tidak semua negara akan mendedahkan apa yang mereka ada untuk diperiksa. Negara Jerman misalnya, telah dilarang sama sekali untuk menghasilkan dan memiliki kereta kebal, kapal terbang dan gas dalam peperangan akan datang. Ini termaktub dalam Perjanjian Versailles yang mereka tandatangani. Namun mereka tidak menghiraukan perjanjian tersebut, malah mempertingkatkan lagi penyelidikan dan industri bagi ketiga-tiga perkara berkenaan. Tegasnya, dengan memiliki senjata ini, pengaruh sesebuah negara akan menjadi lebih berkesan terutama dalam pembentukan strategi untuk mencapai objektif yang telah digariskan.

Menyentuh tentang cegahrintang, ia berbeza dengan senjata nuklear kerana senjata nuklear mempunyai kredibiliti sedangkan senjata kimia dan biologi tidak, walaupun kedua-duanya dapat memainkan peranan sebagai cegahrintang. Lihat sahajalah bagaimana Saddam Hussien mencegah serangan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq dengan serta-merta, biarpun tindakan yang diambil ke atas negaranya sama ada secara *"unilateral"* atau

"multilateral", dengan mengancam akan bertindak balas menggunakan senjata kimia. Amerika Syarikat mengambil masa hampir lima bulan sebelum membuat keputusan melancarkan serangan ke atas Iraq. Ini memberi masa yang cukup selesa bagi Iraq membuat persediaan. Jelas di sini senjata kimia bukan sahaja dapat bertindak sebagai cegahrintang malah memberi ruang masa yang agak lama kepada pihak yang memilikinya dalam membuat persediaan.

Setiap kali peluru berpandu Iraq jatuh ke bumi Israel, Amerika Syarikat merasa bimbang peluru tersebut mengandungi bahan kimia. Sekiranya ini berlaku, ia akan mengundang campur tangan Israel dalam kemelut tersebut. Hal seperti inilah yang seboleh-bolehnya dielakkan oleh Amerika Syarikat kerana impaknya terhadap negara-negara Islam lain.

RUMUSAN

Prospek terhadap penggunaan senjata kimia dan biologi ini sentiasa ada kerana senjata-senjata tersebut tidak dimusnahkan. Selagi ia masih terdapat dalam inventori negara-negara berkenaan maka kemungkinan penggunaannya masih wujud. Dalam konteks penggunaannya, terdapat *"strong points"* dan *"weak points"* pada tahap strategi ketenteraan dan keperluannya kepada doktrin-doktrin yang tertentu. Ia juga mempunyai impak psikologi yang tinggi apabila digunakan disebabkan oleh kasualti yang ramai. Penggunaannya yang meluas tanpa amaran akan menjadikan ianya sebagai agen pemusnah yang ganas. Kaedah-kaedah rawatan kepada mangsa-mangsa senjata ini haruslah difikirkan kerana ia akan memberi implikasi moral terhadap mangsa dan pihak yang lain.

Kenapakah peperangan kimia dan biologi diberi perhatian? Jika dilihat dari satu sudut ia adalah kerana peningkatan dan perkembangan teknologi terhadap mutu ke atas produk tersebut. Jika ianya dapat memberi keluwesan misalnya hanya benda-benda tertentu sahaja yang akan terjejas apabila senjata ini digunakan tanpa menjejaskan benda-benda lain, ianya akan memberi satu perkembangan yang baru. Selain itu juga, senjata ini boleh digunakan tidak seperti senjata nuklear yangmana mereka tahu bahawa senjata tersebut tidak akan digunakan. Pun begitu, ianya boleh digunakan dengan menyeluruh disebabkan teknologinya yang murah dan mudah diperolehi oleh Negara-negara Dunia Ketiga. Ianya sudah mencukupi jika dapat memberi kesan untuk membunuh.

BIBLIOGRAFI

Kennedy, Robert,1984. ***The Defence of the West, Strategic and European Security Issues Reappraised.*** *USA. Westview Press.*

Krase, Joachim, 1992. ***Chemical Weapon in Soviaet Military Doctrine, Military and Historical Experience,*** *1915 - 1991. USA. Westview Press.*

Stockholm International Peace Research Institute. 1980. ***Chemical Weapons: Destruction and Conversion.*** *London Taylor & Francis Ltd.*

The Encyclopeadia Britannica Inc. 1969. *London. Willian Benton Publisher.*

Akhbar, ***The Sun*** *bertarikh 23 Januari 1997.*

Mej Saiful Anwar Md Ali telah ditauliahkan dalam Rejimen Askar Melayu Diraja pada 23 Februari 1985. Beliau telah berkhidmat di beberapa pasukan dan Pusat Latihan seperti di 23 RAMD, PUSWATAN dan ATMA. Beliau adalah pemegang Diploma Pengajian Strategik dan Keselamatan dari UKM. Kini beliau sedang menuntut di MTAT.

"Kalimah yang baik adalah umpama sebatang pohon yang subur, pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh di bumi, cabang dan pucuknya menjulang ke langit. Bandingan kalimah atau kata-kata yang jahat - baik itu, samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna dan mudah terbungkas akarnya dari muka bumi, tidak ada tapak untuk tetap dan terus hidup".

Surah Ibrahim: 26 & 25

FAKTOR-FAKTOR PENTING YANG MEMBAWA KEPADA CAMPUR TANGAN TENTERA DALAM SISTEM POLITIK NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA

Mej Mohd Radzi bin Abd Hamid

PENDAHULUAN

Evolosi sejarah manusia dan pembentukan sistem negara dan bangsa telah menunjukkan bahawa untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan, sesebuah negara itu perlu kuat dan kukuh dalam aspek ekonomi dan institusi ketenteraan. Walaupun aspek ekonomi mempunyai kekuatan yang tersendiri *'that can influence both the rate and the direction of accumulation'* tetapi pada hakikatnya kedua-dua aspek ini saling bergantung atau berkaitan. Sungguhpun begitu, di negara-negara Dunia Ketiga, aspek institusi ketenteraan dilihat begitu penting dan mempunyai nilai yang boleh mendatangkan kesan pada kedaulatan negara.

Kekuatan sesebuah negara bergantung kepada cara mereka mentadbir kuasa tentera, keupayaan mengurus ekonomi dan mentadbir rakyat. Dewasa ini terdapat beberapa corak pemerintahan negara yangmana ianya dibezakan dengan campur tangan institusi ketenteraan. Terdapat negara-negara yang ditadbir secara mutlak oleh tentera seperti Burma, terdapat pula negara-negara yang ditadbir oleh kerajaan campuran tentera dan golongan elit seperti Indonesia dan ada negara-negara yang secara mutlak ditadbir oleh awam, dan tentera adalah sebuah institusi yang berlainan seperti Malaysia. Ini bermakna, fenomena campur tangan tentera dalam politik telah membentuk satu bentuk atau corak pemerintahan. Isu campur tangan tentera dalam politik adalah masalah Dunia Ketiga dan ianya bukan satu isu baru bahkan ianya telah berlaku beratus tahun dahulu. Terdapat beberapa pemikir yang cuba menukar isu ini seperti Janowitz, Lucien Pye, Nothlinger, Finer, Huntington, Thompson dan banyak lagi.

Hakikatnya, institusi ketenteraan adalah satu badan yang berasingan yangmana dilihat sebagai pendukung atau unsur pengukuh kerajaan yang memerintah. Sungguhpun begitu, ada institusi ketenteraan yang turut terlibat dalam politik. Persoalannya, apakah sebab-sebab yang memungkinkan atau memaksa tentera campur tangan dalam politik? Terdapat banyak sebab yang memungkinkan oleh pemikir-pemikir di atas dan ia dapat dirumuskan seperti kelebihan-kelebihan yang ada pada institusi ketenteraan, bentuk layanan dari pemerintah awam, kegagalan kerajaan awam memerintah negara, pengaruh kuasa asing terhadap tentera, tahap budaya politik masyarakat, kepentingan peribadi, hilang kuasa autonomi, wujudnya tentera kedua dan lain-lain lagi.

SEBAB-SEBAB PENTING

Janowitz mengatakan sebab yang terpenting menyebabkan tentera campur tangan dalam politik ialah ciri-ciri pelakuan institusi ketenteraan. Ciri-ciri ini melibatkan kebolehan pegawai-pegawai tentera, struktur kemahiran, kebolehan mengurus dan asal usul anggota tentera. Pendapat Janowitz ini tidak dipersetujui oleh Huntington. Beliau bertanyakan apakah ciri-ciri pelakuan tentera di negara-negara baru merdeka memudahkan penglibatan tentera dalam politik? Huntington berpendapat sebab-sebab yang penting ialah struktur dan institusi masyarakat itu sendiri yang mendorong tentera campur tangan dalam politik. Jika masyarakat benar-benar terlibat dan dimobilisasikan adalah agak mustahil untuk tentera campur tangan. Manakala Finer pula menekankan aspek motif dan keadaan-keadaan yang telah membuka peluang untuk tentera campur tangan. Beliau

lebih bersetuju dengan aspek budaya politik masyarakat [1]. Berdasarkan teori budaya politik ini, Finer telah mencadangkan empat peringkat campur tangan seperti berikut:

* **Mempengaruhi.** Politik ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan awam. Institusi tentera adalah sama seperti elemen-elemen lain. Dalam peringkat ini, kerajaan boleh menerima atau menolak pendapat tentera.

* **Mengancam.** Peringkat ini sama seperti peringkat pertama tetapi tentera mempunyai kuasa yang agak lebih seperti disokong oleh rakyat. Pada peringkat ini, tentera boleh bertindak dalam bentuk campur tangan dengan tujuan agar kerajaan awam insaf atau sedar akan kelemahan mereka.

* ***"Displacement".*** Peringkat ini agak serius yangmana tentera bertindak menukar kerajaan awam yang sedia ada kepada kerajaan awam yang lain. Ini bermakna tentera cuma bertindak sebagai pihak penyelesai masalah.

* ***"Supplantment".*** Peringkat ini dimana tentera menggunakan kekerasan untuk merampas kuasa *(coup d' etat)* dan seterusnya menggantikan kerajaan awam.

Lucien Pye pula berpendapat faktor modenisasi organisasi tentera dilihat sebagai faktor utama yang menyebabkan campur tangan tentera dalam politik.

[1] Budaya politik adalah keseluruhan dari pandangan-pandangan politik seperti norma-norma, pola-pola orientasi terhadap politik dan pandangan hidup pada umumnya. Budaya politik mengutamakan dimensi psikologi dari satu sistem politik iaitu sikap, sistem, kepercayaan dan simbol yang dimiliki oleh individu-individu serta harapan mereka dalam sesebuah masyarakat. Atau dimaksudkan oleh Kavanagh sebagai *"as the overall distrubtion of citizen's orientation to political objects".*

Sungguhpun terdapat berbagai-bagai pandangan dan teori yang dikemukakan, penulis berpendapat dari semua idea-idea yang dikemukakan, sebab yang penting hanya lima sahaja iaitu kelebihan-kelebihan yang ada pada tentera, layanan dari pemerintahan awam, kegagalan kerajaan awam memerintah, tahap budaya politik yang rendah dan pengaruh kuasa-kuasa asing.

SEBAB 1 – KELEBIHAN-KELEBIHAN DALAM INSTITUSI KETENTERAAN

Sejak dari dahulu lagi sama ada sesebuah negara itu diperintah oleh penjajah atau kerajaan yang sah, institusi ketenteraan merupakan sebuah institusi yang paling berjaya dalam proses pemodenan sesebuah negara. Dalam sebuah negara yang baru merdeka, ia nampak lebih moden dan kuat kerana dipengaruhi oleh teknologi Barat atau penjajah. Ini bermakna tentera berada dalam semangat pembangunan berdasarkan teknologi moden dan mempunyai kemahiran dalam melakukan kekerasan. Pegawai-pegawai muda tentera dalam negara yang baru merdeka melihat masyarakat luar atau penjajah sebagai idola dan menjadi sungguh sensitif terhadap keperluan modenisasi dan kemajuan teknologi kerana tidak mahu ketinggalan.

Semasa bermulanya revolosi teknologi, tentera dipandang begitu rendah tetapi setelah teknologi berkembang, institusi tentera begitu berprestij dan berada pada skil sosial yang tertinggi. Perubahan teknologi ini menjadikan pegawai-pegawai tentera di negara-negara baru merdeka begitu peka kepada negara-negara yang mundur. Dengan adanya pegawai-pegawai tentera yang berorientasikan politik, maka keadaan mundur itu memudahkan mereka untuk campur tangan dengan tujuan untuk memajukan negara mereka.

Dalam membincangkan sebab di atas, kelebihan yang dimaksudkan adalah tentera mempunyai organisasi yang tersusun dan kemas, semangat tentera adalah berobjektifkan kepentingan bersama *(corporate interest), "Espirit de corps"*, dan kemahiran dan penguasaan terhadap senjata. Teori yang dipersetujui oleh Janowitz, beliau menyatakan ciri-ciri pelakuan institusi tentera adalah sebab terpenting yang menyebabkan tentera campur tangan dalam politik. Ciri-ciri pelakuan yang beliau maksudkan ialah kebolehan pegawai tentera yang dikaitkan dengan *"ethoe of public service"*, struktur kemahiran dan pengalaman, kebolehan untuk mengurus dan asal usul masyarakat tentera. *"The underlying rationale is that the organizational format to designed to carry out military functions, as well as experience in the `management of violence', is at the root of these armies ability to intervened politically"*[2].

* **Organisasi yang Tersusun dan Kemas.** Institusi ketenteraan mempunyai cara hidup yang tersendiri dan berbeza dari kehidupan awam. Secara tidak langsung, tentera dalam Dunia Ketiga merasakan mereka terpisah dari realiti masyarakat transisi dan menumpukan perhatian yang lebih kepada perindustrian. Boleh dikatakan di semua negara Dunia Ketiga, tentera darat adalah pasukan tentera yang terbesar jika dibandingkan dengan tentera laut dan udara. Ini membolehkan tentera darat campur tangan dan merampas kuasa secara bersendirian dan ia boleh mengawal tentera laut dan udara selepas rampasan kuasa tersebut. Pasukan-pasukan darat yang kecil dan terkawal seperti pasukan infantri boleh ditempatkan di tempat-tempat strategik yang mempunyai peluang untuk campur tangan dalam politik dan orientasi politik untuk campur tangan.

* Dalam organisasi yang besar dan tersusun, pegawai tentera yang mempunyai pengalaman mentadbir dalam mempersiapkan diri bagi jawatan-jawatan pentadbir tinggi dalam kerajaan seperti menjalankan tanggungjawab ketenteraan, perancangan strategi, ekonomi dan politik. Hakikat ini disokong oleh Janowitz:

> *"It is true, however, that as the military develops a more complexs technology and the nature of authority changes from domination to group consensus, many of the human-relations' skills of military leadership - concern for morale and internal communication - lead to greater transferability of skill to civilian political arena"*[3].

* Selain daripada itu, di negara-negara baru merdeka, pegawai-pegawai bahkan semua lapisan atau hirarki tentera berorientasikan politik yang tinggi. Pengalaman dan kemahiran profesional yang diperolehi telah melahirkan atau sekurang-kurangnya merangsang pegawai tentera untuk terlibat dalam politik. Dalam Dunia Ketiga terdapat tentera yang diasaskan melalui pergerakan kebebasan nasional oleh anggota-anggota yang terlibat secara aktif dalam politik yang membentuk institusi tentera, seterusnya melanjutkan kepentingan politik mereka sebagai pegawai tentera.

* Pengalaman yang diperolehi di Maktab Turus, mendedahkan mereka kepada perbincangan berkenaan dengan politik, menarik perhatian pegawai-pegawai tentera untuk dibincangkan. Menurut Janowitz:

---

[2] *Janowitz,* 1964 : hal 32.

[3] *Janowitz,* 1964: hal 43.

"In some countries, officers received their basic military education abroad, or are send abroad for advanced training, which also has the consequence of strengthening political interests in general and fostering concern with social change rather than with fashioning a particular ideology"[4].

* **Kepentingan Bersama (Corperate Interests).** Institusi tentera moden mempunyai ikatan perpaduan kumpulan *(cohesion)* dan kebolehan tindakan kolektif yang kuat. Finer menjelaskan "modern armies as *cohasive and hierarchi"*[5]. Kedua-dua aspek ini merupakan elemen penting untuk tentera melicinkan pelaksanaan politiknya. Darjah perpaduan di kalangan tentera dilihat sebagai satu ikatan ketaatan untuk membolihkan rampasan kuasa.

* Disiplin yang tinggi akan menentukan darjah kekuatan dan perpaduan apabila merampas kuasa. Contohnya, dalam tentera Pakistan. Darjah perpaduan juga menentukan sama ada tentera menerima keagungan pemerintah awam seperti India dan Malaysia atau menolaknya seperti Burma.

* Faktor ini merupakan aspek penting yang membuatkan tentera campur tangan dalam politik. Sekiranya campur tangan berdasarkan faktor ini, maka selepas berkuasa matlamat tersebut akan mendorong dalam kecenderungan konservatif dalam mengekalkan dan melindungi status quo-ekonomi dan sosial. Dalam bab ini, Finer berpendapat:

"The military is jealous of its corporate status and privileges. Anxiety to preserve of the motives for intervention. In its defensive form it can lead to something akin to military syndicalism - an insistence that the military and only the military are entitle to determine on such matters as recruitment, training, numbers and equipment. In its more aggressive form it can lead to the military demand to be the ultimate judge on all other matters affecting the armed forces. As these certainly include foreign policy, and invariable include domestic economic policy and may well include all the factors making for morale, i.e. education and mass media of communication, such claim are bound to bring the military into conflict with the civilian government which traditionally occupies itself with such matters"[6].

* ***"Espirit de Corps".*** Dengan mempunyai sebuah organisasi yang lengkap dan ketaatan yang tidak berbelah bagi, secara tidak langsung semangat yakin dan percaya dalam satu kumpulan akan wujud di kalangan mereka atau lebih dikenali sebagai *"espirit de corps"*, situasi ini akan mewujudkan perpaduan, solidariti dan semangat, yang menggambarkan kesetiaan institusi tentera kepada negara termasuk campur tangan dalam politik.

Berdasarkan faktor-faktor di atas ialah organisasi yang moden, *"corporate interest"*, *"espirit de corps"*, kemahiran-kemahiran yang berkaitan, dan *"cohesion"*, dapatlah dinyatakan bahawa di negara Dunia Ketiga, organisasi tentera lebih tersusun dan moden berbanding dengan institusi awam. Situasi ini bukan sahaja membuka peluang tetapi profesion tentera itu sendiri membawa prestij moral yang penting dari sudut politik kepada mereka. Bukti yang paling

[4] ***Janowits,*** 1964: hal 62 & 63.

[5] ***Finer,*** 1962; hal 5.

[6] ***Finer,*** 1962: hal 41.

dekat boleh ditonjolksn ialah sejarah campur tangan tentera Burma dalam politik. Tentera Burma sejak ditubuhkan pada tahun 1942 telah mempunyai satu organisasi yang kuat. Ini disebabkan oleh penglibatan pegawai tentera dalam usaha-usaha mendapatkan kemerdekaan dari pihak British pada tahun 1948. Ini telah menjadikan institusi tentera Burma penting dalam sejarah Burma. Kekecohan yang berlaku telah menjadikan mereka kuat dan berpengalaman. Organisasi tentera Burma yang lebih tersusun dari pemerintah awam telah menyebabkan mereka merampas kuasa apabila kerajaan awam gagal mengatasi kemelutan negara yang menyebabkan berlakunya huru-hara yang tidak terkawal. Robert H. Taylor menggambarkan tentera Burma seperti berikut:

> *"... within the military, the officers corps has developed into a more unified and coherent group ...."*[7]

SEBAB 2: LAYANAN DARI PEMERINTAH AWAM

Pada mulanya di negara-negara yang baru merdeka, pihak awam berada di kedudukan yang paling tinggi, mempunyai kuasa dan tentera tertakluk pada kuasa tersebut dengan mempunyai bidang tugas yang terkeluar dari politik. Ini bermakna, tentera berkecuali dari menyokong mana-mana parti politik dan dilihat sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara tanpa mengira jenis parti yang memerintah. Realitinya, tentera mempunyai kuasa yang luas dalam politik dan campur tangan mungkin berlaku jika mereka tidak berpuas hati terhadap layanan yang diterima dari pemerintah awam.

Di negara Dunia Ketiga juga, tentera mempunyai dua peranan utama iaitu sentiasa bersedia untuk mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman musuh dan membantu pihak polis khususnya dalam menangani masalah ancaman dalam negeri. Tentera juga akan bertindak menggantikan polis sepenuhnya, jika polis gagal menyelesaikannya. Penglibatan dan pengalaman yang diperolehi telah mempertingkatkan ilmu politik mereka yang boleh dijadikan asas untuk campur tangan.

Dalam negara demokrasi, tentera dipisahkan dari awam tetapi di negara yang baru merdeka tidak berlaku sedemikian kerana tentera sentiasa terlibat dalam tugas polis untuk mengekalkan autoriti yang sah. Pengalaman ini dilihat sebagai satu pembelajaran tentang huru-hara dan ancaman dan bila masa yang sesuai untuk campur tangan atau merampas kuasa terutama darjah keabsahan awam merosot.

Di negara Dunia Ketiga yang baru merdeka selalu timbul tuntutan pihak tentera untuk membezakan diri mereka dari polis dan mahu mereka dianggap lebih penting dari polis. Tentera sama ada usulnya dari penjajahan atau pejuang kebebasan sentiasa berusaha agar tidak terlibat dalam tanggungjawab rutin negara seperti menekan pihak pembangkang atau menyelesaikan masalah jenayah. Mereka juga tidak suka diarah oleh pihak awam untuk bertindak keras atau menembak rakyat awam yang tidak bersenjata semasa demonstrasi kerana kebanyakan tentera berasal dari masyarakat yang sama.

Campur tangan pihak awam dalam urusan tentera seperti dalam proses kenaikan pangkat yang berdasarkan keturunan atau sahabat baik akan menyebabkan tentera tidak berpuashati. Contoh yang paling ketara ialah di Ghana, Presiden Nkrumah telah menyingkirkan beberapa pegawai tinggi tentera dan diganti dengan yang dikenalinya dan akan taat kepada beliau. Beliau juga telah menaikan pangkat pegawai tentera berdasarkan kesetiaan kepada beliau dan menubuhkan satu rejimen tentera yang bertanggungjawab terus kepada beliau dan bukan kepada pegawai tinggi tentera. Akibat

[7] **Finer**, 1962; hal 41.

dari campur tangan ini telah berlakunya rampasan kuasa tentera.

Disesetengah negara pula, tentera berpendapat mereka mempunyai hak atau wibawa untuk campur tangan dalam politik sekiranya kerajaan awam mengancam kepentingan tentera. Misalnya kerajaan awam telah mengurangkan perbelanjaan ketenteraan atau mengurangkan gaji dan elaun. Situasi ini dilihat oleh tentera sebagai boleh menjejaskan imej dan prestij mereka. Tambahan pula kebanyakan tentera bukannya dari golongan atasan tetapi dari kelas pertengahan atau tidak ada sumber pendapatan. Manakala Thomson dalam bukunya *"The Grievances of Military Corps - Makers"* menyatakan layanan yang tidak baik oleh pemerintah awam kepada tentera akan berlaku apabila tiada sokongan belanjawan. Contoh yang paling ketara adalah peristiwa yang berlaku di Ghana di bawah Nkrumah yangmana tentera bertindak melancarkan rampasan kuasa;

> *"Tentera menjadi serba kekurangan, kurang kelengkapan, pada hakikatnya telah diturunkan kedudukannya menjadi rakyat biasa. Menjelang Krismas dalam tahun 1965, ramai tentera telah tidak mempunyai peralatan dan pakaian serta peralatan-peralatan yang lain yang penting kepada harga diri, moral dan kecekapan tentera .... Adalah memalukan apabila melihat seorang tentera Ghana dengan pakaian seragam yang koyak rabak dan compang-camping, kadangkala tanpa sepatu semasa menjalani latihan"*[8].

Selain daripada itu layanan buruk dari kerajaan awam dalam bentuk polisi-polisi yang boleh mengancam *"corperate interest"* atau prestij tentera. Bukti ketara yang boleh dikemukakan di sini ialah rampasan kuasa tentera di Thailand pada 9 November 1947. Menurut Chai Anan, salah satu penyebab rampasan kuasa tentera pada tahun 1947 ialah polisi-polisi yang menggugat prestij tentera.

> *"... the Army, whose corporate interest and prestige were severely affected by several government policies, became disgruntled with Pridi and his group"*[9].

Situasi ini akan menjadi lebih buruk lagi jika tentera negaranya dibandingkan dengan tentera negara jiran yang lebih baik dan kuasa autonominya dihormati. Ini jelas menunjukkan mereka tertinggal dan seterusnya mereka akan campur tangan dalam politik atau melancarkan rampasan kuasa tentera.

SEBAB 3 - KEGAGALAN KERAJAAN AWAM MEMERINTAH

Di negara-negara Dunia Ketiga, kemajuan dan kemakmuran negara amat bergantung kepada pemerintahan awam yang ada pada masa itu. Ketidakcekapan pemerintah awam memerintah akan menyebabkan ekonomi negara merosot dan rakyat akan menghadapi masalah seperti peratus inflasi yang tinggi, kebuluran dan taraf hidup yang rendah. Situasi ini dilihat oleh tentera sebagai kegagalan pihak awam dan mereka bersedia untuk campur tangan sama ada apabila diminta atau terus melancarkan rampasan kuasa.

Situasi ini dapat dilihat di Burma semasa kegagalan pemerintah awam memakmurkan negara yang menyebabkan rakyat melancarkan rusuhan dan ketegangan tersebut diambil oleh anasir-anasir komunis untuk memperluaskan pengaruhnya. Tentera melihat situasi ini membahayakan kedaulatan Burma dan terus melancarkan rampasan kuasa untuk campur tangan dalam politik Burma. Tentera cuba memperbaiki kekurangan yang wujud dengan menggunakan kemahiran yang mereka miliki.

---

[8] ***Nordlinger,*** 1986: hal 93 & 94.

[9] ***Zakaria & Harold,*** 1985: hal 83.

Begitu juga peristiwa yang berlaku di Thailand yangmana telah mengalami 17 kali rampasan kuasa.

Disesetengah negara Dunia Ketiga, wujud perlantikan pemimpin awam yang berdasarkan tradisi atau korupsi. Ini menyebabkan tentera cuba mendapatkan perhatian rakyat dan mencampuri urusan politik untuk membasmi rasuah, menyelesaikan masalah ekonomi dan melakukan perubahan politik. Ada yang menganggap rampasan kuasa sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah huru-hara dan amalan rasuah.

Kegagalan pihak awam biasanya disebabkan oleh ketiadaan pemimpin yang berwibawa. Situasi ini menjadi lebih buruk lagi apabila tiada sistem sosial moden. Sistem sosial ini diperlukan untuk mempertingkatkan kehidupan rakyat. Lucien Pye berpendapat:

> *"The democratic institution imported by Asian and African country have largely failed for lack of political leadership. May Asian and African political leader have lost much of the optimism of previous years. This failure has led in some countries to an immediate military takeover ...."*[10].

Kegagalan dan ketiadaan pemimpin yang karismatik serta parti politik yang stabil secara automatik diisi oleh tentera dalam proses pembinaan negara, yang lebih moden. Selain dari Burma, Thailand juga boleh dijadikan bukti untuk menyokong teori ini. Kerajaan di bawah pimpinan Thamrong telah gagal untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan krisis politik yang meletus selepas Raja Ananda. Situasi ini dilihat oleh Chai Anan dan Suchit sebagai penyebab rampasan kuasa di Thailand pada 1947. Anan dan Suchit menggambarkan keadaan seperti berikut:

> *"Thamrong's Government continued to face unresolved economic problem and the political crisis atemming from the death of King Ananda. As the economic and political situation further the deteriorated in 1947, army units in Bangkok led by Phin Choonhavan, a retired General, seized power on November 1947"*[11].

SEBAB 4 - TAHAP BUDAYA POLITIK YANG RENDAH

Di negara-negara Dunia Ketiga, rakyatnya mempunyai orientasi atau budaya politik yang rendah dan tidak mengambil tahu soal keabsahan pemerintah. Mereka juga tidak tahu atau tidak faham pergolakan politik negara. Wujudnya ketidak setabilan politik dan kegagalan ekonomi membuatkan rakyat menerima tentera kerana organisasinya dilihat lebih tersusun dan berupaya untuk mengubah taraf hidup mereka. Teori ini dipersetujui oleh Janowitz:

> *"Changing technology creates new pattern of combat and thereby modify organisation beheaviour in the military. The more complex the technology of warfare, the narrow - are the differences between military and non-military establishments because more officers have managerial and technical skills applicable to civilian enterprise"*[12].

Krisis politik, sosial dan ekonomi yang membawa kapada kekacauan, mengakibatkan tentera menjadi *"restless"* dan dikerah bagi tanggungjawab pusat iaitu *"nation building"*. Pegawai-pegawai tentera banyak terdedah dengan pengaruh negara luar melalui latihan atau berkursus di seberang laut dan ini membolehkan mereka mengadili kepimpinan awam. Anggota tentera akan begitu

[10] ***Lucien Pye***, 1979: hal 820.

[11] ***Zakaria & Horald***, 1985: hal 82 & 83.

[12] ***Janowitz***, 1964: hal vi.

sensitif kerana masyarakat yang mundur adalah masyarakat mereka sendiri iaitu dari kelas bawahan. Oleh yang demikian, tentera merasakan bebas untuk menyokong, menghapus ataupun menggantikan kepimpinan awam yang tidak efektif. Hakikatnya, tentera merasakan bertanggungjawab untuk mengambilalih kuasa apabila ahli politik awam gagal memerintah dengan baik. Teori dibuktikan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Presiden Ayub Khan:

> *"The politicians had made politics a profession and democracy a toy to fondle with. Their only business was to misguide the people by main fiery speeches and raining empty slogans from time to time and acquire personal power.... Their wish is that the same outmoded system should again return to the country where in disruption, misguidance and selfishness should have their play".*[13]

Di negara-negara Dunia Ketiga, rampasan kuasa tentera dianggap sebagai alternatif bagi menghadapi huru-hara, asah dan ancaman dari sayap kiri. David Chang berpendapat:

> *"The military corps is, at least temporarily a necessary or unavoidable measure for many new nations during the transitional period of modernnization and mobilization"*[14].

Teori tahap budaya politik ini juga dibincangkan oleh Finer yangmana beliau menegaskan seperti berikut:

> *"In lands of a lower political culture the need for legitimate will not and indeed has not proved a serious handicap to the military. But in countries of mature or advance political culture it will prove crippling"*[15].

SEBAB 5 - PENGARUH KUASA ASING

Antara sebab lain yang tidak kurang pentingnya adalah pengaruh kuasa asing terhadap tentera. Pengaruh yang dimaksudkan ialah pergantungan sesebuah negara kepada negara lain yang mungkin berlaku dari adanya pergantungan terhadap bantuan ketenteraan, ekonomi, latihan dan perjanjian-perjanjian lain. Pergantungan ini dilihat boleh mempengaruhi sesebuah negara jika ia hanya bergantung pada sesebuah negara sahaja seperti pergantungan Filipina kepada Amerika. Janowitz mengakui kebenaran teori ini dalam bukunya:

> *"Undoubtedly, foreign military assistance and officer training abroad have an impact on the military and its politics, domestic and foreign"*[16].

Pergantungan ini boleh menyebabkan negara yang memberi bantuan mengarahkan mereka campur tangan apabila berlakunya dasar-dasar yang boleh memudaratkan negara yang memberi bantuan atau tidak sesuai dengan mereka. Teori ini juga mengikut Janowitz boleh mendatangkan kesan politik yang negatif pada tempuh jangka panjang:

> *"Gradually, over the years, United State political and military authorities have become aware that such programmes have domestic political implication for new nations. They have become concerned that these programmes help develop pro-American loyalties among the officers of new nations. To this end, for example, more than one thousand US military assistance officers were given special training before they were send abroad"*[17].

---

[13] ***David*** *W Chang*, hal 828 .
[14] ***Ibid***, hal 830.
[15] ***Finer***, 1962: hal 19.
[16] ***Janowitz***, 1964: hal 95.
[17] ***Janowitz***, 1964: hal 96.

Walaupun begitu, pengaruh asing bukanlah merupakan sebab tunggal atau sebab penting dalam mempengaruhi tentera untuk campur tangan dalam politik tetapi ia merupakan sebab sampingan yang penting dan pengaruhnya tidak boleh dinafikan terus.

> *"...the mechanics of political intervention of the military in the new nation, as in the old nations, involve both domestic and foreign policy. Clearly, domestic issues and domestic political objectives are overriding, but new nations continue to prepare for military intervention in support of foreign policy objectives"*[18].

KESIMPULAN

Sungguhpun sebab-sebab yang telah dibincangkan di atas ternyata penting tetapi pada dasarnya semua sebab-sebab yang dinyatakan adalah saling bergantung dan tidak boleh berdiri sendiri. Sekiranya tentera mempunyai organisasi yang tersusun sekalipun, mereka tidak akan campur tangan jika kerajaan awam memberi layanan yang sepatutnya kepada mereka dan rakyat mempunyai budaya politik yang tinggi. Begitu juga dengan bentuk layanan dari pemerintah, walaupun tidak memuaskan hati, tetapi jika tidak disokong oleh organisasi yang kuat, nescaya tentera tidak yakin boleh berjaya untuk merampas kuasa. Situasi yang sama juga berlaku pada sebab ketiga, walaupun kerajaan awam gagal memerintah, tetapi jika rakyat tidak mengambil kisah atau tidak mempunyai budaya politik yang tinggi dan organisasi tentera sendiri goyah, ia juga tidak memungkinkan campur tangan tentera. Walaupun tahap budaya politik masyarakat sederhana tetapi terdapat peristiwa-peristiwa rampasan kuasa oleh tentera tetap berlaku seperti rampasan kuasa di Burma pada tahun 1968.

Pengaruh kuasa asing dilihat sebagai telah membuka minda masyarakat tentera bukannya dipengaruhi oleh negara lain. Antara sebab-sebab tersebut, penulis lebih bersetuju mengatakan bahawa peluang untuk campur tangan tentera dalam politik bergantung kepada keadaan masyarakat negara tersebut. Peluang ini wujud apabila rakyat tidak lagi percaya pada kepimpinan awam dan bergantung kepada institusi tentera. Budaya politik masyarakat diukur dari keyakinan masyarakat terhadap kepimpinan awam. Jika budaya politik rakyat begitu kuat dan yakin dengan pemimpin awam, maka tentera tidak mempunyai peluang, dan jika dilakukan juga rampasan kuasa tentera, peratus kegagalan adalah tinggi. Lagipun anggota tentera yang datangnya dari masyarakat yang sama tidak akan bertindak begitu, jika masyarakat atau keluarganya hidup dengan senang lenang. Dalam situasi ini, peluang untuk campur tangan tidak akan wujud. Walaupun berlaku rampasan kuasa tentera tetapi ia tidak akan bertahan lama. Ini dapat disimpulkan bahawa peluang untuk tentera campur tangan dalam politik adalah bergantung kepada peringkat budaya politik masyarakat. Teori ini dipersetujui oleh Finer:

> *" The military's oppotunity - and its public welcome - both derive from the level of political culture. The level (i.e. the completeness) to which the military press their intervention also depends on this. This forms the subject of the next chapters"*[19].

Finer dalam bukunya, *" The Man on the Horseback"*, membincangkan empat peringkat campur tangan. Finer menegaskan bagi tahap mempengaruhi dan mengancam, ia cuma berlaku di negara Dunia Ketiga yang budaya politik masyarakatnya tinggi atau maju. Manakala bagi tahap menukar atau penggantian, ianya berlaku di negara-negara yang budaya politik masyarakatnya rendah.

Kesimpulannya, sebab-sebab tersebut adalah saling bergantung ke arah menyebabkan tentera untuk campur tangan dalam politik. Jika berlandaskan satu sebab sahaja, campur tangan tidak mungkin akan berlaku tanpa disokong oleh sebab-sebab lain.

---

[18] ***Ibid***, hal 100.

[19] ***Finer***, 1962 : hal 76.

BIBLIOGRAFI

Eric A. Nordlinger, 1986, ***Tentera Dalam Politik, Kudeta dalam Kerajaan"*** *(Terjemahan): DBP Kuala Lumpur.*

Morris Janowitz, 1964, ***The Military in the Political Development of New Nations - An Essay in Comparative Analysis:*** *The University Chicago Press.*

S. E Finer, 1962, ***The Man on Horseback - The Role of the Military in Politics:*** *Westview Press, Boulder, Colorado.*

WM. J Olson, 1991, ***Westview Studies in Regional Security:*** *Westview Press, San Francisco.*

Zakaria Hj Ahmad & Harold Crouch, 1985, Military - Civilian Relation in South-East Asia: *Oxford University Press, New York.*

Asian Survey, Vol. 8, 1979, ***The Military and Nation - Building in Korea, Burma and Pakistan:*** *Chang and David.*

Armed Forces and Society, Vol. 23, No. 2, Winter, 1996, ***The Civil-Military Problematique; Huntington, Janowitz, and the Question of Civilian Control:*** *Peter D. Feaver.*

Mej Mohd Radzi bin Abd Hamid telah ditauliahkan pada 30 Jul 1986 ke dalam Kor Rejimen Askar Melayu Diraja. Antara jawatan yang pernah disandang adalah PS 2 Perjawatan A di Cawangan P & P, Markas Tentera Darat. Beliau telah menghadiri Kursus *'Grade II Staff and Tactics* di Sekolah Taktik, New Zealand. Beliau adalah pemegang Diploma Lanjutan Pengajian Strategik dan Keselamatan dari UKM dan Diploma Teknologi Maklumat dari Kolej SAL. Kini beliau berkhidmat di 21 RAMD.

LEADERSHIP

Kol (R) Mohd Ariffin bin Che' Mat Din

